

10 JANUARI 2017

## Cuba sogok polis trafik RM50,000 elak ditahan

Selasa, 10 Januari 2017 BH

[FOTO AMRAN HAMID/BH]



Asri (dua dari kanan) mengucapkan tahniah kepada pegawai trafik, S Theagarar atas kejayaan anggotanya merampas dua pucuk pistol dalam sekatan jalan raya berhampiran Plaza Tol Alor Setar Selatan pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, semalam.

# Cuba sogok polis trafik RM50,000 elak ditahan

➔ Tindakan mencurigakan bongkar status kenderaan curi bawa senjata api, dadah RM63,000

Oleh Adha Ghazali  
adha@bh.com.my

Alor Setar

Kelakuan dua lelaki menawarkan sogokan RM50,000 kepada sepasukan anggota trafik ketika kereta mereka ditahan berhampiran Plaza Tol Alor Setar di sini, Sabtu lalu, mencetuskan curiga anggota berkenaan sehingga membongkar status kenderaan itu yang membawa senjata api dan dadah.

Dua pistol semi automatik, 73 peluru hidup serta sejumlah dadah pelbagai jenis ditemui dalam kereta Honda Civic itu yang turut disahkan sebagai kenderaan curi.

Yang turut ditemui 2.7 kilogram heroin yang boleh digunakan lebih 20,000 penagih, 25

gram syabu, 1,500 biji pil kuda dan 46 gram syabu yang nilai keseluruhan dianggarkan lebih RM63,000.

Ketua Polis Kedah, Datuk Asri Yusoff, berkata ketika ditahan dalam Ops Cegah Kemalangan pada jam 5.30 petang itu, suspek yang berusia 43 dan 45 tahun dipercayai dalam perjalanan menuju Lebuh raya Utara-Selatan.

**Suspek pengedar dadah**

"Penemuan dadah itu membuktikan suspek adalah pengedar dadah. Dadah itu dipercayai diperolehi dari selatan tanah air untuk dipasarkan di negeri ini khususnya Sungai Petani," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Asri berkata, semakan mendapati lelaki tempatan berusia 43 tahun yang memandu kereta

itu mempunyai tiga rekod jenayah lampau membabitkan kes dadah, manakala rakannya yang berasal dari Sekinchan, Selangor, mempunyai lapan rekod jenayah membabitkan kes dadah dan curi kenderaan.

Kedua-dua suspek yang positif heroin, ditahan reman sehingga 14 Januari ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dan Seksyen 8(A) Akta Senjata Api 1960.

Suspek turut disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 39A(1) dan (2) serta Seksyen 10 akta sama.

"Kami turut menyoal atas cubaan rasuah mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009," katanya.